

Tubuh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya

Um - 28/9/2006

LINKOPING (SWEDEN) 27 Sept. - Malaysia akan mendirikan Institut Keselamatan Jalan Raya, institusi pertama seumpama itu di Asia Tenggara, menjelang akhir tahun ini bagi menjalankan semua jenis aktiviti penyelidikan yang berkaitan keselamatan jalan raya.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Chan Kong Choy yang menyifatkan Malaysia menghadapi situasi unik yang mewajarkannya mempunyai institut penyelidikan keselamatan jalan rayanya sendiri berkata, institut itu yang akan beroperasi di kampus utama Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, akan membolehkan kerajaan membuat rujukan serta merangka dasar keselamatan jalan raya yang lebih baik di negara ini.

"Kerajaan baru meluluskan institut itu yang akan diketuai seorang Ketua Pengarah dan sebilangan pegawai penyelidik. Tanggungjawab institut itu ialah menjalankan semua jenis penyelidikan berkaitan keselamatan jalan raya, termasuk

Kerajaan baru meluluskan institut itu yang akan diketuai seorang Ketua Pengarah dan sebilangan pegawai penyelidik

CHAN KONG CHOY
Menteri
Pengangkutan

kejuruteraan, reka bentuk jalan, reka bentuk kenderaan, tabiat manusia, perundangan dan kajian mengenai kemalangan.

"Kerajaan meluluskan RM50 juta untuk menubuhkan institut itu," katanya kepada wartawan Malaysia selepas lawatan sehari ke Institut Penyelidikan Pengangkutan Jalan Kebangsaan (UTI) Sweden di sini, bersama Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu yang juga pengerusi majlis keselamatan jalan raya negeri masing-masing.

VTI yang terletak kira-kira 250 kilometer dari Stockholm, merupakan sebuah institut penyelidikan utama di Eropah.

Ia ditubuhkan 80 tahun lepas dan hasil penyelidikan di situ diguna pakai dalam dasar pengangkutan di Sweden dan Eropah.

VTI juga ialah pemimpin dunia dalam bidang teknologi simulator untuk kenderaan penumpang dan lori selain memiliki makmalnya sendiri, kemudahan pengujian tayar dan trek "kemalangan".

Chan berkata, kerajaan akan memberi geran tahunan selama 30 tahun kepada institut itu untuk menjalankan penyelidikannya sendiri. Beliau bagaimanapun enggan memberikan jumlah geran berkenaan.

Menurutnya, di peringkat awal institut itu akan beroperasi sementara di luar kampus UPM hingga

struktur kekal di kampus itu siap.

"Kita sedang memilih seorang ketua pengarah. Ia akan disahkan tidak lama lagi. Kerajaan sudah mengenal pasti seseorang," katanya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) UPM Profesor Dr. Radin Umar Radin Sohadi disebut-sebut sebagai pesaing utama memandangkan beliau merupakan pakar mengenai keselamatan jalan raya, bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa.

Dr. Radin adalah antara 16 anggota delegasi Chan ke Sweden.

Chan juga berkata, penubuhan institut itu merupakan sebahagian daripada Pelan Induk Keselamatan Jalan Raya (2006-2010) yang meliputi bidang kejuruteraan, pendidikan, penguatkuasaan dan perlindungan alam sekitar atau lebih dikenali sebagai pelan induk 4E.

"Kita bakal menyaksikan lebih banyak perubahan dalam keselamatan jalan raya selepas ini," katanya.

- Bernama